

**Status Penglihatan Komuniti Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dari Penyaringan
Penglihatan Klinik Optometri Bergerak Universiti Kebangsaan Malaysia**

(Vision Status of the Bandar Tun Razak Community, Kuala Lumpur from Vision Screening at the
National University of Malaysia Mobile Optometry Clinic)

Haliza Binti Abdul Mutalib*, Norliza Mohamad Fadzil, Bashirah Ishak &
Mohd Norhafizun Mohd Saman

Pusat Kajian Kesihatan Komuniti (ReaCH), Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda
Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Correspondence: halizamutalib@ukm.edu.my

Abstract

A descriptive study was conducted to assess the visual status of individuals from the B40 community in Kuala Lumpur through the Klinik Optometri Bergerak Universiti Kebangsaan Malaysia (KOB), community outreach program. This one-day screening, conducted in June 2023, involved 35 final-year Optometry students under the supervision of qualified optometrists and lecturers from Universiti Kebangsaan Malaysia. A total of 167 records were collected and analyzed to evaluate visual status. Notably, the study revealed that 81.4% of participants had not undergone eye examinations or had not done so for more than three years. Additionally, 37 participants received prescriptive spectacles for distance and near vision, while 11 were referred to hospitals for cataract monitoring. These findings underscore a high prevalence of uncorrected vision within the community despite the presence of nearby eye care facilities. The study emphasizes the necessity of implementing an eye care outreach program tailored to the needs of the B40 population in Kuala Lumpur.

Keywords: eye screening; ocular health; strabismus; visual acuity; visual status

Abstrak

Satu kajian deskriptif untuk menentukan status penglihatan satu sampel komuniti B40 di Kuala Lumpur dari program komuniti Klinik Optometri Bergerak (KOB), Universiti Kebangsaan Malaysia telah dijalankan pada Jun 2023 selama sehari yang dikendalikan oleh pelajar optometri tahun akhir seramai 35 orang dan diselia oleh optometris bertauliah dan pensyarah optometri Universiti Kebangsaan Malaysia. Sejumlah 167 rekod peserta telah dikumpul dan dianalisa bagi menentukan status penglihatan. Antara dapatan yang menarik ialah 81.4% dari peserta ini tidak pernah ataupun telah lebih dari 3 tahun tidak menjalani sebarang pemeriksaan penglihatan. Seterusnya 37 peserta diberikan cermin mata preskripsi untuk jauh dan dekat. Seramai 11 daripada 17 peserta yang dirujuk ke hospital adalah untuk pemantauan katarak. Hasil dari kajian ini mempamerkan status penglihatan satu sampel populasi penduduk B40 di Kuala Lumpur yang peratusan rabun masih tinggi meskipun terdapat fasiliti kesihatan mata yang berdekatan. Kajian ini memberi indikasi keperluan program saringan penglihatan jangkauan komuniti bagi golongan B40 di Kuala Lumpur.

Katakunci: Status Visual; Penyaringan mata; Akuiti visual; Strabismus; Kesihatan Okular

PENGENALAN

Kesalahan refraktif yang tidak diperbetulkan merupakan punca utama gangguan penglihatan dan kebutaan (Seet et al. 2001; Wong et al 2006). Dari hasil kajian global 2004, mendapati seramai 153 juta orang dari seluruh dunia mengalami masalah tersebut iaitu 8 juta daripada mereka telah didiagnos sebagai buta. Di Malaysia, Kajian Mata Kebangsaan (NES 1996) dan NES II (2014) juga telah melaporkan kesalahan refraktif yang tidak dibetulkan adalah punca utama tahap penglihatan rendah (Zainal et al. 2002).

Kadar miopia di Malaysia telah dicatatkan setinggi 9.8% pada umur 7 tahun dan mencecah 34.4% pada umur 15 tahun, iaitu sebanyak 55% populasi mempunyai rabun yang tidak dirawat (Kamaruddin et al. 2022). Mungkin ramai yang menyangka di kawasan bandar, khidmat kesihatan adalah mudah dan fasiliti pemeriksaan kesihatan lebih banyak dan ini boleh merawat kerabunan dengan lebih efektif berbanding di luar kota atau di kampung yang jauh dari kemudahan perubatan dan memerlukan pengangkutan dan kewangan untuk hadir ke klinik kesihatan. Disebabkan masalah ini maka pastinya ramai penduduk luar bandar yang akan terpinggir dari menerima pemeriksaan kesihatan sewajarnya terutamanya yang membabitkan penjagaan mata. Pernyataan ini bagaimanapun telah dibantah dengan data yang menunjukkan majoriti golongan yang memerlukan rawatan rabun adalah sebenarnya populasi di bandar dan bukannya masyarakat di kampung (Omar et al. 2022). Meskipun kemudahan kesihatan awam ada disediakan di setiap daerah dan rawatan rabun banyak tersedia di praktis swasta dan hospital awam disekitar Kuala Lumpur, namun peratusan yang akan menggunakan kemudahan ini masih rendah. Oleh itu, adalah menjadi satu persoalan adakah warga B40 di bandar mempunyai kesedaran tinggi tentang kesihatan dan tahu menggunakan kemudahan yang tersedia ini untuk mendapatkan rawatan dan konsultasi tentang hal ehwal kesihatan mata mereka ataupun status ekonomi menjadi penghalang utama.

Sehubungan dengan itu, salah satu program khidmat komuniti Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Klinik Optometri Bergerak (KOB), Program Optometri dan Sains Penglihatan telah mengambil satu inisiatif proaktif untuk menyediakan penyaringan dan pemeriksaan mata bergerak ke seluruh Malaysia. Program khidmat komuniti ini bertujuan mengesan masalah penglihatan dan mata serta menyumbangkan cermin mata percuma kepada individu yang memerlukan. Aktiviti ini telah berjalan sejak tahun 2012 dan ia dijalankan di bawah kursus Klinik Khas dan menjadi sebahagian dari kredit yang perlu dicapai

dan dilengkapi sebelum prasiswazah bergraduasi. Ia diwajibkan kepada pelajar Ijazah Sarjanamuda Optometri tahun 3 dan 4 di bawah penyeliaan pegawai optometris dan pensyarah Program Optometri. Dalam tempoh setahun, sekurang-kurangnya sebanyak 12-14 program khidmat komuniti telah dirancang dan dilaksanakan. Lokasi yang dipilih adalah berdasarkan jemputan atau cadangan daripada orang ramai. Majoriti khidmat komuniti dilaksanakan di kawasan B40 luar bandar adalah kerana mereka memerlukan sokongan perkhidmatan penyaringan kesihatan mata. Khidmat komuniti ini jarang sekali dianjurkan di kawasan B40 sekitar Kuala Lumpur kerana pihak yang bertanggungjawab meyakini perkhidmatan seperti ini tidak diperlukan memandangkan terdapat banyak fasiliti dan kemudahan kesihatan yang berdekatan.

B40 adalah kumpulan isi rumah terendah dan penduduk Malaysia adalah 40 peratus terdiri daripada golongan tersebut. Kehidupan masyarakat semakin kompleks sehingga menyebabkan golongan berpendapatan rendah atau dikenali sebagai golongan B40 yang hidup ditengah proses urbanisasi semakin terhimpit kerana kos sara hidup yang semakin meningkat setiap hari (Mayan 2022).

Tujuan kajian deskriptif satu pemantauan berasaskan komuniti ini adalah untuk menentukan status penglihatan populasi komuniti B40 di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur sewaktu melakukan program Klinik Optometri Bergerak Universiti Kebangsaan Malaysia (KOB).

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan satu kutipan data dari program penyaringan mata jangkauan komuniti yang mana kaedah ini dirujuk sebagai kajian pemantauan berasaskan komuniti. Kajian ini melibatkan komuniti setempat yang mana kutipan data dilakukan ataupun proses penyelidikan dijalankan dalam situasi semasa. Kajian komuniti yang telah dijalankan adalah pada bulan Jun 2023 di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur bertempat di Dataran Flat Sri Kota. Rasional pemilihan sampel kajian ini adalah kerana majoriti penduduk di kawasan Perumahan Awam Flat Sri Kota adalah terdiri daripada golongan isi rumah B40. Program ini melibatkan penyaringan status penglihatan semua penduduk secara sukarela di Flat Sri Kota tersebut termasuklah penduduk sekitar flat dari kawasan perumahan yang berhampiran. Pengiklanan telah dilakukan secara hebahan menerusi sosial media, e-poster, kain rentang dan juga pengumuman di sekolah dan masjid seminggu lebih awal dari tarikh program. Antara penekanan dalam hebahan tersebut adalah berkenaan dengan rawatan percuma dan cermin mata percuma diberikan kepada orang ramai yang memerlukan. Seramai 35 orang pelajar

klinikal Program Optometri dan Sains Penglihatan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia berserta 4 orang penyelia telah hadir dalam program ini sebagai petugas. Pemeriksaan bermula pada jam 9 pagi dan berakhir pada jam 4 petang di Dataran Flat Sri Kota, Bandar Tun Razak yang mana kepadatan penduduk flat adalah dalam anggaran 3,000 orang. Hari yang dipilih adalah hari minggu iaitu hari cuti awam dan sepatutnya ramai penduduk tidak bekerja. Pada hari program tersebut, seramai 167 peserta telah hadir untuk menjalani semua pemeriksaan yang telah disediakan di tapak lokasi. Pemeriksaan penglihatan di bahagikan kepada 3 segmen iaitu pemeriksaan preliminari, ujian refraksi dan saringan penyakit mata. Semua keputusan telah direkodkan dengan lengkap dalam borang yang disediakan.

AKTIVITI PEMERIKSAAN

Aktiviti pemeriksaan dimulakan dengan mengambil data peserta secara umum serta sejarah penyakit yang berkaitan dan catatan dilakukan pada satu borang khas yang telah disediakan. Peserta kemudiannya dibawa ke stesen pertama iaitu ujian penglihatan iaitu status tahap penglihatan diukur untuk kedua-dua mata secara berasingan. Tahap penglihatan habitual diukur dengan menggunakan Carta Snellen pada jarak 6 meter. Untuk peserta yang tidak boleh membaca, penilaian dibuat berdasarkan Tumbling E atau Landolt C. Untuk kanak-kanak kecil pemeriksaan mata dilakukan secara objektif. Bagi peserta yang mempunyai tahap penglihatan lebih teruk dari tahap Snellen 6/9, mereka dirujuk untuk pemeriksaan mata komprehensif iaitu pemeriksaan preliminari, ujian refraksi dan saringan penyakit mata (Metsing et al. 2018).

Pemeriksaan preliminari yang dilakukan adalah ujian katup pada jarak jauh dan dekat untuk menyaring tropia dan foria atau strabismus, ujian konvergen dan akomodasi, penilaian persepsi kedalaman dan penglihatan warna. Kesemua ujian ini dilakukan selengkapnya mengikut keperluan subjek. Bagi stesen refraksi, ujian refraktif subjektif dilakukan untuk menilai ralat refraksi kedua-dua mata bagi jarak jauh dan dekat. Pemeriksaan dan penyaringan penyakit mata seperti katarak, glaukoma dan penyakit retina lain dilakukan di stesen saringan penyakit mata. Bagi peserta yang mempunyai katarak atau lain-lain masalah bukan disebabkan rabun, mereka dirujuk ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Bandar Tun Razak. Surat rujukan diberi kepada peserta berkenaan di stesen akhir iaitu stesen konsultasi bersama pakar. Semua peserta rabun yang memerlukan cermin mata sama ada jauh atau dekat di bawa ke stesen pemilihan bingkai. Pengukuran dan keperluan jenis bingkai dicatat dengan lengkap di dalam borang.

Stesen terakhir adalah stesen konsultasi oleh pakar runding iaitu peserta diberi konsultasi tentang status mata, rawatan dan pengurusan mata selanjutnya. Peserta kemudiannya diberi ubat pelembab mata; Optishine Eyedrops, produk sumbangan YSP Industries (hanya kepada yang memerlukan), risalah kesihatan mata dan kaedah penjagaan mata.

KEPUTUSAN

Seramai 167 orang peserta (julat umur 1 hingga 79 tahun) yang terdiri dari 112 (67.1%) perempuan dan 55 (32.9%) lelaki telah disaring di dalam program ini. Majoriti peserta adalah berbangsa melayu 143 orang (85.5%), diikuti bangsa cina dan india, masing-masing 11 orang (6.6%) (Jadual 1). Peserta dari julat umur 60-69 (41 orang) tahun paling ramai menyertai program penyaringan mata ini, diikuti peserta dari julat umur 40-49 (32 orang) tahun dan 10-19 (31 orang) tahun (Jadual 2). Majoriti peserta adalah dari Flat Sri Kota atau dari flat yang berhampiran. Kesemua peserta dikategorikan sebagai golongan B40 memandangkan penempatan tersebut disediakan sebagai penempatan semula penduduk dari kawasan yang diambilalih oleh pihak kerajaan bagi tujuan pembangunan. Dalam program penyaringan ini kami tidak mengambil data pendapatan seisi rumah, walau bagaimanapun peserta dianggap sebagai golongan B40 atas basis lokasi penempatan.

Jadual 1. Demografi Peserta KOB Bandar Tun Razak (N=167)

Deskripsi	Bilangan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	55	32.9
Perempuan	112	67.1
<i>Bangsa</i>		
Cina	11	6.6
India	11	6.6
Melayu	143	85.5

Jadual 2. Pengkelasan julat umur Peserta KOB Bandar Tun Razak (N=167)


Kumpulan umur (tahun)	Bilangan	Peratusan (%)
1-9	6	3.6
10-19	31	18.6
20-29	5	3.0
30-39	12	7.20
40-49	32	19.2
50-59	22	13.2
60-69	41	24.6
70-79	18	10.8

Sejumlah 167 rekod lengkap para peserta berjaya diperolehi dan dianalisa. Dari data demografi dapat disimpulkan kaum wanita lebih berminat (61.7%) dan peka tentang penjagaan kesihatan mata berbanding dengan kaum lelaki. Memandangkan hari program ini dijalankan adalah pada hari minggu, peratusan mereka yang berkerja juga sepatutnya adalah rendah. Kebanyakan dari mereka yang hadir adalah dari julat umur 60-69 (24.6%) tahun. Ini menunjukkan mereka adalah sememangnya dari golongan warga emas. Julat umur yang kedua tertinggi hadir adalah dalam julat 40an (19.2%) dan golongan remaja (18.6%). Boleh diandaikan ketiga-tiga kategori ini berminat untuk mendapatkan pemeriksaan mata dan mungkin juga

tertarik dengan acara cabutan bertuah dan dengan kehadiran jualan gerai dan juga hiburan nyanyian pada masa yang sama. Ada juga peserta yang hadir di awal pagi sebelum bergerak ke tempat kerja, ini menunjukkan minat mereka terhadap status kesihatan mata mereka dan ingin mengambil peluang untuk menjalani pemeriksaan mata.

Hasil dapatan program ini menunjukkan dari 167 peserta yang disaring seramai 53 orang (31.7%) peserta adalah rabun meskipun telah memakai cermin mata sama ada jarak jauh atau dekat atau kedua-duanya sekali. Seramai 130 orang (77.8%) mengadu penglihatan kabur (Rajah 1). Lain-lain aduan berkaitan dengan kekeliruan penglihatan adalah dalam julat 18.6% -55.1%.

Rajah 1. Senarai aduan penglihatan dari peserta KOB Bandar Tun Razak



Seramai 33.5 % dari mereka tidak pernah membuat sebarang pemeriksaan mata (termasuk yang tidak pasti) dan 47.9% yang tidak menjalani sebarang pemeriksaan lebih dari setahun. Hanya 18.6% mengatakan ada melakukan pemeriksaan mata dalam tempoh kurang setahun (Rajah 2).

Rajah 2. Tempoh pemeriksaan mata terakhir Peserta KOB Bandar Tun Razak



Seramai 37 (22.2%) telah diberikan preskripsi cermin mata dan 17 (3.6%) dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut (Jadual 3).

Jadual 3. Preskripsi yang diberi kepada 167 peserta KOB Bandar Tun Razak.

Preskripsi	Bilangan	Peratus
Jauh	27	16.2
Dekat	10	6
Tiada preskripsi	130	77.8
Rujukan	17	3.6

PERBINCANGAN

Peserta yang terdiri dari mereka yang sememangnya telah memakai cermin mata sedia ada adalah 37% iaitu 77.8% dari keseluruhan peserta masih mengadu penglihatan adalah kabur dengan cermin mata mereka. Dari soal selidik yang dilakukan, didapati 81.4% dari peserta ini tidak pernah ataupun telah menjalankan pemeriksaan mata lebih dari 3 tahun yang lepas (Jadual 2). Ini bermakna cermin mata yang dipakai sudah usang, kanta bercalar ataupun kuasa rabun sudah berubah. Nilai ini menunjukkan bahawa ramai peserta mungkin telah lama tidak menjalani pemeriksaan mata kerana faktor seperti tiada masa, tiada bajet, rabun belum tahap serius dan mungkin kurang kesedaran tentang amalam baik penjagaan kesihatan mata. Meskipun berada di lokasi kotaraya, pengetahuan tentang penjagaan kesihatan mata adalah cetek kerana pemeriksaan mata tidak dijalankan secara tahunan dan hanya difikirkan sebagai kritikal apabila terasa kabur atau sakit. Memandangkan premis optikal dan klinik kesihatan adalah dalam radius 3km dari lokasi program maka ia tidak menunjukkan kesukaran untuk mendapatkan khidmat rawatan atau pengurusan kesihatan mata. Mungkin kerana kos sara hidup di tengah kota amat tinggi selepas pandemik yang lalu menjadi terlalu mencabar untuk golongan B40 prihatin terhadap kesihatan mata, maka ia jatuh nombor dua berbanding dengan keperluan sara hidup bagi mereka.

Ini disokong oleh satu pemerhatian awal yang telah menemubual informan di kawasan ini bagi mendapatkan maklumbalas tentang perbelanjaan produk kesihatan di kalangan penduduk di sini pada tahun 2022. Antara kesimpulan yang didapati adalah perbelanjaan isi rumah bergantung kepada pendapatan yang diperolehi oleh mereka. Ini bermaksud, peningkatan pendapatan isi rumah menyebabkan kuasa beli mereka meningkat dan ini menyebabkan permintaan terhadap sesuatu barangan meningkat sebaliknya kejatuhan pendapatan isi rumah menyebabkan kuasa beli mereka menurun. Maka dapat disimpulkan pendapatan yang secara puratanya rendah akan memberi impak kepada

pembelian cermin mata di kalangan peserta (Kamaruddin et al. 2022) apatah lagi cermin mata itu sendiri adalah di cap sebagai satu produk elit di kalangan yang berpendapatan rendah maka menyedari akan hakikat ini maka pihak kerjajaan di bawah inisiatif Payung Rahmah, cermin mata telah dipakejkan dalam satu pakej rahmah pada tahun 2023. Ini bagi membolehkan golongan B40 mendapatkan cermin mata pada harga mampu. Dalam program ini semua cermin mata telah di berikan cecara percuma kepada peserta yang memerlukan.

Dari pelbagai simptom peserta yang di tanya, peratusan yang tertinggi adalah keadaan sensitif pada cahaya ataupun silau (55.1%) ataupun rasa sakit kepala (37.1%). Rasa silau dan sakit kepala boleh berpunca dari rabun yang tidak dibetulkan, mata kering ataupun masalah kanta cermin mata yang lama dan bercalar. Kesemua simptom ini hanya membawa kepada simptom ketidakselesaian (Anuar 2011) tetapi tidak menyakitkan dan tidak mengganggu aktiviti seharian yang mana ia mungkin dapat ditoleransi oleh orang ramai. Ada kaedah lain untuk mengelak dari sensitif pada cahaya secara berterusan iaitu dengan mengelak dan mengecilkan mata atau mengambil ubat titis pelembab mata. Ini dapat mengawal dan mengurangkan simptom dan bukan dirasakan satu kes kecemasan bagi peserta (van der Lijn et al. 2023).

Masalah lain seperti penglihatan berganda, apungan atau sakit mata tidak menjadi simptom yang utama. Maka kes rujukan ke hospital adalah sangat rendah dan tiada kes kecemasan. Dalam satu kajian lain tentang kes kecemasan yang membabitkan okular, hanya 2-3% pesakit sahaja yang akan tampil dengan aduan tidak nampak, mata merah dan sakit mata. Ini memberi satu indikasi sama ada simptom ini dipandang ringan oleh komuniti ataupun terdapat banyak rawatan dan kemudahan yang berkaitan mata yang mudah didapati dan berhampiran dengan kediaman. Ada juga kes tanpa simptom dan tanda nyata menyebabkan penyakit tidak dapat dikesan dengan mudah maka ia terlepas sebagai satu kes kecemasan (Bradford et al. 2021).

Meskipun status kerabunan adalah dalam 33.7% untuk rabun jauh dan 36.5% untuk rabun dekat setelah pemeriksaan refraksi dilakukan didapati seramai 38 peserta memerlukan cermin mata untuk penglihatan jauh dan 35 peserta untuk melihat dekat (Jadual 3). Jumlah peratusan untuk dua kumpulan ini adalah 22.2%. Seramai 11 pesakit telah dirujuk untuk penyakit mata seperti katarak dan masalah retina dan seramai 130 orang peserta yang lain tidak memerlukan apa apa preskripsi. Pernah disebutkan dalam kajian kebangsaan pada tahun 1996 (Zainal et al. 2002), katarak merupakan masalah penglihatan yang utama dikalangan penduduk Malaysia. Daripada 17

rujukan, 11 peserta dirujuk untuk pemantauan kes katarak. Walau bagaimanapun jumlah peserta yang diberikan cermin mata percuma adalah lebih rendah kerana ada antara peserta mempunyai cermin mata yang masih dalam keadaan baik. Cermin mata untuk penglihatan jauh sebanyak 17 pasang telah diberikan kepada semua peserta di bawah umur 17 tahun. Kajian lepas yang berlainan telah dilakukan ke atas kanak-kanak pra sekolah di Lembah Klang mendapati kanak-kanak bumiputera mempunyai kebarangkalian sebanyak 4 kali untuk gagal dalam saringan penglihatan berbanding dengan kanak-kanak bukan bumiputera (Kamaruddin et al. 2022). Perkara yang sama dapat dilihat disini tapi faktor penyebab yang dapat dilihat ia berpunca dari faktor sosio ekonomi dan bukannya status bumiputera. Jika dibandingkan dengan prevalen kanak-kanak berbangsa Cina di Pahang, peratusan miopia adalah 65% yang mana agak tinggi (Omar et al. 2020). Ini bermakna status miopia amat berat ke arah status bangsa dan bukan faktor pribumi sepertimana yang disebutkan. Dalam satu kajian yang menggunakan lokasi luar bandar yang sama pula, prevalen antara kaum Iban dan Melayu di bandingkan dan di dapati kaum Iban mempunyai ralat refraksi dan kekeliruan penglihatan sebanyak 47.7% berbanding dengan anak-anak Melayu luar bandar (3.5%) (Bakar et al. 2012). Dapat disimpulkan dari saringan ini, meskipun prevalen ralat refraksi ini tinggi ia bukan disebabkan oleh faktor sosio-ekonomi semata-mata tetapi ia mempunyai pengaruh genetik dari segi kaum. Ini bermakna perhatian seharus ditumpukan pada kanak-kanak B40 di kota kerana ini adalah kategori miskin kota yang mungkin akan mengabaikan kesihatan mata kerana perlu memberi perhatian lebih terhadap kos kehidupan yang lebih penting. Hanya dengan penglihatan yang baik, kanak-kanak mampu menunjukkan prestasi cemerlang dalam pembelajaran (Roslan & Abdul Wahab 2015) dan mampu untuk mengubah ekonomi keluarga.

Kajian satu sampel populasi ini yang mewakili warga B40 di Kuala Lumpur telah memberi satu petunjuk bahawa kesedaran mengenai keperluan penjagaan kesihatan mata mungkin di ketahui tetapi langkah proaktif untuk menangani masalah yang berkait dengan kesihatan mata terutamanya kerabunan masih dipandang ringan meskipun ada fasiliti rawatan disediakan berhampiran dengan lokasi. Faktor penyebab masih ramai lagi miskin bandar yang mengalami masalah rabun boleh dikaitkan dengan masalah kewangan dan kekangan masa. Alat bantuan penglihatan itu sendiri dirasakan mahal dan tidak penting untuk sara hidup dikalangan B40 di bandar. Lokasi rawatan yang berhampiran tidak memberi kesan yang baik meskipun kesedaran tentang kepentingan rawatan rabun itu wujud. Golongan B40 di bandar

masih memerlukan sokongan kewangan untuk mendapatkan bantuan rawatan alat penglihatan percuma. Ini bersependapat dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Nur Jannah (2021) yang perbelanjaan golongan B40 mengikut keutamaan akan berubah atas sebab-sebab tertentu. Apabila dihimpit dengan kekangan sumber kewangan untuk berbelanja bagi memenuhi keperluan, mereka terpaksa membuat pilihan untuk menentukan jenis perbelanjaan bagi keperluan manakah yang perlu diberikan perhatian terlebih dahulu. Oleh itu, kemampuan pendapatan menjadi faktor penentu yang mempengaruhi perbelanjaan kesihatan secara signifikan (Nor Aini et al. 2011). Maka ini mungkin adalah salah satu sebab mengapa cermin mata lusuh masih digunakan dan pemeriksaan mata tidak dilakukan meskipun lokasi premis optikal berdekatan. Hasil daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan asas kepada penyelidikan masa depan yang berkaitan.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada semua pasukan Klinik Optometri Bergerak Universiti Kebangsaan Malaysia dan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, ahli jawatankuasa penduduk Flat Sri Kota, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semua penaja program, cermin mata percuma dan semua penduduk yang mengambil bahagian dalam program kesihatan mata ini.

RUJUKAN

- Anuar I, Mohamad Jauhari J, Mohd Riduan A. Kajian Faktor-Faktor Fizikal Terhadap Tahap Keselesaan Bekerja Di Bahagian Casting Shop Di Kalangan Pekerja Di Kilang Pembuatan Kereta. *Journal Of Community Health* 2011: Vol 17 Number1 42-5.
- Arshat, Z., Pai, F.S., Ismail, Z.I., 2018. Keluarga B40: Tekanan dan Kekuatan *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 10 (1): 91-102.
- Bakar, N.F., Chen, A.H., Noor, A.R., Goh, P.P. 2012. Comparison of refractive error and visual impairment between Native Iban and Malay in a formal government school vision loss prevention programme. *Malays J Med Sci* 19(2): 48-55.
- Bradford, C.A., Melson, A.T. 2021. Ocular Complaints, Disease, and Emergencies in the General Medical Setting. *Med Clin North Am* 105(3): 409-423. doi:10.1016/j.mcna.2021.02.002
- Iszan Hana Kaharudin, Wardah Mustafa Din*, Norfazilah Ahmad, Idayu Badilla Idris, Azimatun Noor Aizuddin, Roszita Ibrahim, Mohd Rizam Abdul Rahman, Sazman Wahab & Qistina Mohd Ghazali, 2022 Gelagat Perbelanjaan Golongan Isi Rumah B40 Terhadap Produk Kesihatan Semula Jadi:

- Pemerhatian Awal Di Perumahan Awam Sri Kota, Cheras *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 23: 37-50
- Kamaruddin, H., Nordin, N., Abdul Manap, N.E., Narayanasamy, S., Sharanjeet-Kaur, S., Hairol, M.I. 2022. Association between Socioeconomic Status and Vision Screening Outcomes among Preschool Children in Klang Valley, Malaysia: A Cross-Sectional Study. *Malays J Med Sci* 29(2): 102-113. doi:10.21315/mjms2022.29.2.10
- Mayan, S.N.A., 2022. Analisis Kemiskinan Bandar: Kajian Kes Golongan B40 Di Petaling Jaya, Selangor. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Metsing IT, Hansraj R, Jacobs W, Nel EW. Review of school vision screening guidelines. *Afr Vision Eye Health*. 2018;77(1), a444. <https://doi.org/10.4102/aveh.v77i1.444>.
- Mohd Tarip, M.H.D., Said M.M, Mohd Ramli, R. et al. 2021. *Impak pandemik COVID-19 terhadap golongan B40. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (8(SI): 54-65.
- Nor Aini Haji Idris , Norlida Hanim Mohd Salleh , Mohd Ali Mohd Noor. 2011., Faktor Penentu Perbelanjaan Kesihatan di Kalangan Golongan Bekerja. *Prosiding Perkem VI*, Jilid 2 (2011) 124 – 130.
- Nur Jannah B , Md Yunus M., Kim K. H., & Aida I. 2021. Pola Perbelanjaan Belia Melayu Di Kuala Lumpur. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 45–68.
- Omar, R., Wong, M.E.S., Majumder, C., Knight, V.F. 2022. Distribution of refractive error among chinese primary school children in a rural area in Pahang, Malaysia. *Malays Fam Physician* 17(1): 29-35. doi:10.51866/oa1251.
- Roslan N. K. N & Abd Wahab H., 2015. Pencapaian Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan Yang Mengikuti Program Pendidikan Khas. *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 9(1): 45-64.
- van der Lijn, I., de Haan, G.A., van der Feen, F.E., et al. 2023. Prevalence and nature of self-reported visual complaints in people with Parkinson's disease-Outcome of the Screening Visual Complaints questionnaire. *PLoS One* 18(4):e0283122. doi: 10.1371/journal.pone.0283122.
- Seet B, Wong TY, Tan DTH, et al. 2001. Myopia in Singapore: taking a public health approach *British Journal of Ophthalmology*, 85:521-526. <https://doi.org/10.1136/bjo.85.5.521>.
- Wong, T.Y., Klein, R., Islam, F.A., Cotch, M.F., Folsom, A.R., Klein, B.E., Sharrett, A.R., Shea, S. & Multi-Ethnic Study of Atherosclerosis (MESA. 2006. Diabetic retinopathy in a multi-ethnic cohort in the United States. *American journal of ophthalmology*, 141(3), 446-455.
- Zainal M, Ismail SM, Ropilah AR, Elias H, Arumugam G, Alias D, Fathilah J, Lim TO, Ding LM, Goh PP. 2002. Prevalence of blindness and low vision in Malaysian population: results from the National Eye Survey 1996. *Br J Ophthalmol*. Sep;86(9):951-6. doi: 10.1136/bjo.86.9.951. PMID: 12185113; PMCID: PMC1771293.
- Mohamad Aziz Salowi, Nyi Nyi Naing, Norasyikin Mustafa, Wan Radziah Wan Nawang, Siti Nurhuda Sharudin, Nor Fariza Ngah. 2014. Prevalence of visual impairment and its causes in adults aged 50 years and older: Estimates from the National Eye Surveys in Malaysia. *Med Rxiv* 2024.02.18.24303005; doi: <https://doi.org/10.1101/2024.02.18.24303005>